

PERTANDINGAN POSTER DIGITAL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2024

A. MAKLUMAT PERTANDINGAN POSTER DIGITAL

1. Pertandingan Poster Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2024 adalah anjuran Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (BKPP), Pejabat Pengurusan Pembangunan sempena Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTeM 2024.
2. Tempoh penyertaan adalah **17 Julai 2024 sehingga jam 23:59:59, 13 Ogos 2024**.
3. Tempoh penjurian adalah **14-15 Ogos 2024**.
4. Setiap poster perlu bertemakan **"AMALAN TERBAIK DALAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN."**
5. Setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu poster. Walaubagaimanapun, peserta hanya layak memenangi **satu hadiah** sahaja.

B. KELAYAKAN PERTANDINGAN

1. Hanya **staf dan pelajar UTeM** sahaja.

C. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah **percuma**.
2. Poster hendaklah hasil peserta sendiri dan tidak boleh meniru daripada mana-mana karya sama ada daripada bahan cetakan ataupun media elektronik/sosial.
3. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos ataupun kerugian yang ditanggung oleh peserta sepanjang pertandingan berlangsung.
4. **Tidak dibenarkan** menyentuh sensitiviti kaum, agama serta politik dalam pertandingan poster.

D. SPESIFIKASI POSTER

1. Setiap penyertaan perlu menyertakan :
 - a) Sesalinan (soft copy) rekabentuk (Design) dalam **format .pdf**
 - b) Setiap poster perlu berukuran kertas **A1: 23.4 x 33.1 inci**.
 - c) Poster yang dimuat naik hendaklah **tidak melebihi 10MB**.
2. Penyertaan hendaklah menggunakan **Bahasa Melayu** sahaja.

E. PENDAFTARAN DAN PENGHANTARAN POSTER

1. Isi maklumat penyertaan dalam google forms yang disediakan di link <https://tinyurl.com/9p5k4hka> atau imbas kod QR berikut:



F. TUNTUTAN HAK CIPTA

1. Semua poster penyertaan yang diterima menjadi hakmilik penganjur dan ianya boleh digunakan untuk apa-apa tujuan.
2. Pihak penganjur berhak menerbitkan, mengeluarkan, memapar, mengedar, menyunting dan menayangkan pada skrin mana-mana hasil karya yang menang atau tidak di laman web, pameran, mana-mana media yang lain atau media sosial untuk tujuan kegunaan penganjur. Poster yang digunakan akan dikreditkan kepada pemilik karya.

G. KRITERIA PENGHAKIMAN

1. Keseluruhan poster digital akan melibatkan **penjurian professional (100%)**.
Penjurian professional akan dinilai mengikut kriteria pemarkahan seperti berikut:

KRITERIA	MARKAH
Tema	20
Kreativiti	40
Idea	40
Jumlah	100

2. Keputusan juri adalah **muktamad**. Rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.

H. HADIAH

1. Tawaran hadiah bagi setiap pemenang adalah seperti berikut:

Tempat Pertama	:	RM 300
Tempat Kedua	:	RM 200
Tempat Ketiga	:	RM 100

2. Pemenang akan dihubungi melalui telefon atau e-mel.

I. PENOLAKAN PENYERTAAN

Urusetia berhak menolak sebarang penyertaan yang melanggar peraturan dan mengubah sebarang syarat yang dirasakan perlu dari masa ke semasa.

J. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

1. Semua penyertaan hendaklah dikemukakan kepada pihak urusetia selewat-lewatnya pada **13 Ogos 2024** sebelum **jam 23:59:59**
2. Penyertaan yang diterima selepas daripada tarikh tutup akan ditolak.

K. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
PEJABAT PENGURUSAN PEMBANGUNAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

E-MEL : osha@utem.edu.my

TEL : 06-2701370